



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23(**3**)
Tarikh : **4** Januari 2026

Semua Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN
12 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN SALAH LAKU BULI DI INSTITUSI
PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya surat Kementerian Pendidikan Malaysia **KPM.100-1/3/1 Jld.9 (18)**
bertarikh 3 November 2023 dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan surat pekeliling berkenaan
untuk maklumat dan tindakan tuan seterusnya.

Sekian.

“MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN”
”MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

KAMSAH@KAMAL BIN MOHAMED,P.J.C
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k

Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid
Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan
- Makluman tuan



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 9 (18)
Tarikh : 03 November 2023

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2023

PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN SALAH LAKU BULI
DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan institusi pendidikan sebagai tempat yang selamat untuk murid menimba ilmu. KPM juga tidak berkompromi dalam hal yang melibatkan buli dan menegaskan bahawa salah laku buli merupakan salah laku berat dan tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 24 Tahun 2023 bertarikh 21 September 2023 telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

PELAKSANAAN

4. Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan bawah KPM bagi tujuan seperti yang berikut:

- 4.1 menjadi asas panduan pengurusan salah laku buli;
- 4.2 menjelaskan secara terperinci definisi, jenis, faktor dan implikasi salah laku buli;
- 4.3 menerangkan peranan jawatankuasa pengurusan salah laku buli ; dan
- 4.4 menjelaskan tatacara pengurusan kes salah laku buli, tindakan disiplin dan intervensi pengurusan salah laku buli.

5. SPI ini hendaklah dibaca bersama-sama SPI dan surat siaran berikut:

- 5.1 Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid bertarikh 28 Jun 2011; dan
- 5.2 Surat Siaran KP(BPSH-SPKD)601/01 Jld.11 (16): Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah bertarikh 11 November 2014.

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dirujuk dan dipatuhi sepenuhnya. Garis panduan ini boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.

TARIKH KUAT KUASA

7. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuat kuasanya SPI ini, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2010: Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah bertarikh 29 Julai 2010 adalah **terbatal**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN SALAH LAKU**

BULI

**DI INSTITUSI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

GARIS PANDUAN PENGURUSAN SALAH LAKU BULI DI INSTITUSI PENDIDIKAN

PRAKATA

Sikap cakna dalam kalangan warga pendidik dan masyarakat memberi impak kepada kemenjadian murid holistik. Kecaknaan ini juga mampu merealisasikan aspirasi negara melalui Teras 2 dalam 7 Teras Utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu melahirkan generasi pemimpin masa akan datang yang memiliki adab, akhlak dan integriti. Sungguh pun begitu, KPM sering dikatakan gagal menangani isu salah laku buli dalam kalangan murid di sekolah menerusi ciapan dalam media sosial. Secara tidak langsung isu ini menjadi halangan dan cabaran bagi melahirkan generasi yang baik lagi cerdas.

Ke arah negara maju, revolusi industri 4.0 adalah sinonim dengan KPM yang membudayakan pendidikan digital dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Namun untuk melestarikan pembudayaan pendidikan digital, KPM perlu bijak mengimbangi antara teknologi dan kesannya kepada pengguna di sekolah kerana terdapat individu mengatakan bahawa kejadian salah laku buli meruncing dengan membenarkan gajet dalam kawasan sekolah atau di luar waktu PdP.

Salah laku buli seharusnya ditangani secara tuntas agar gejala ini tidak menular dan berpotensi menjadi kes jenayah sekiranya gagal dibendung dari akar umbi. Perkara ini merisaukan pelbagai pihak terutamanya ibu bapa malah memberi kesan negatif kepada murid sama ada pembuli mahu pun mangsa. Hal demikian, KPM optimis dan komited berusaha membendung gejala salah laku buli dalam kalangan murid di sekolah dan mewujudkan ekosistem sekolah yang selamat dan kondusif melalui penghasilan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

KPM selaku pemegang amanah negara mempunyai strategi dan langkah perlindungan untuk memastikan hak dan keselamatan murid di sekolah terpelihara. Intervensi KPM dalam mengekang salah laku buli adalah dengan cara memberikan bimbingan dan kesedaran kepada semua murid tentang bahaya salah laku buli kepada mental dan fizikal serta menumpukan didikan membina jati diri agar tidak terlibat dengan salah laku buli.

Sehubungan dengan itu, garis panduan ini adalah penting sebagai rujukan setiap individu yang bertanggungjawab menjamin keselamatan murid. Garis panduan ini juga bertujuan untuk memastikan bahawa tindakan yang diambil adalah selaras dengan peruntukan perundangan yang terkini. Oleh itu, menjadi harapan agar garis panduan ini menjadi rujukan yang seragam untuk diguna pakai oleh semua institusi pendidikan KPM.

KATA ALU-ALUAN

YB MENTERI PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan sekolah terutama murid belajar dalam keadaan selamat dan harmoni. Pada masa ini, kita sering disajikan laporan media massa berkaitan salah laku buli yang bukan sahaja berlaku di sekolah malahan di institusi pengajian tinggi dan juga di tempat kerja. Walaupun kenyataan ini pahit untuk diterima namun kesalahan buli telah menjadi penyakit sosial yang sering berlaku dalam masyarakat sama ada di negara maju mahupun di negara membangun. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab setiap individu untuk bersama-sama menangani salah laku buli. Saya ingin menyeru kepada semua pihak untuk bekerjasama menggalas tanggungjawab ini dalam membasmi salah laku buli daripada terus merebak dan merosakkan masa depan negara.

KPM menggalas tanggungjawab untuk memastikan persekitaran pendidikan anak-anak selamat dan memberikan pengalaman fasa kehidupan yang bermakna. Perasaan tertekan dan sentiasa takut akan keselamatan diri boleh menyebabkan pembentukan keperibadian yang pincang dan lebih parah jika menyebabkan anak-anak berasa perlu bersikap kasar dan ganas supaya tidak menjadi mangsa buli. Terdapat satu frasa dalam bahasa Inggeris bahawa *violence begets violence* yang bermaksud keganasan menghasilkan lebih banyak keganasan. Kitaran sikap ganas atau membuli dalam konteks ini perlu diputuskan supaya ekosistem sekolah berteraskan nilai-nilai murni seperti prihatin, kasih sayang dan hormat menghormati. Untuk menoktahi salah laku buli ini, kerjasama masyarakat, komuniti dan warga pendidik sangat penting kerana salah laku buli bukan hanya boleh berlaku di sekolah tetapi di luar sekolah dan juga di rumah. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat seharusnya bersama-sama berusaha supaya salah laku buli dapat diselesaikan secara cepat dan tuntas.

Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan syabas kepada ahli jawatankuasa atas penghasilan **Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** sebagai rujukan semua. Penghasilan garis panduan ini diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan untuk menangani gejala buli dan merealisasikan Hasrat Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera.

Sekian, terima kasih.

YB FADHLINA SIDEK
Menteri Pendidikan

KATA ALU-ALUAN

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Anak yang Baik lagi Cerdik.

Tahniah saya ucapkan kepada ahli jawatankuasa atas penghasilan **Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia**. Penghasilan garis panduan ini bertepatan dengan situasi semasa iaitu salah laku buli di institusi pendidikan yang semakin serius. Semua institusi pendidikan perlu mempunyai rujukan yang komprehensif dan terkini seiring dengan perundangan berkaitan dengan salah laku terhadap murid. Garis panduan ini bukanlah sekadar untuk memaklumkan tatacara dan tindakan yang perlu dilaksanakan tetapi juga sebagai langkah pencegahan agar kelakuan negatif dalam kalangan murid dapat dibendung supaya tidak menjadi kelakuan jenayah.

Tugas mendidik murid bukanlah sesuatu yang mudah kerana kepelbagaian dan kerencaman latar belakang setiap murid adalah unik dan tersendiri. Asas didikan yang diterima serta persekitaran pembesaran mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan proses sosialisasi murid.

KPM mempunyai misi yang besar, iaitu untuk memastikan didikan yang disampaikan oleh guru berupaya membentuk generasi yang baik lagi cerdas. Frasa “cerdik” tidak dihadkan kepada kecerdasan kognitif tetapi ia juga membawa maksud kewarasan pertimbangan yang mampu membezakan dan menentukan tindak tanduk antara yang betul atau yang salah.

Sekolah merupakan sebuah institusi yang selamat dan berperanan sebagai pelindung kepada murid daripada unsur negatif. Murid perlu diyakinkan bahawa mereka sentiasa diberi perhatian dari aspek keselamatan dan kesejahteraan. Dalam situasi ini, bukan hanya mangsa buli perlu dilindungi malahan pembuli itu sendiri perlu dibentuk dan dibimbing supaya mereka membesar sebagai individu yang mematuhi peraturan. Seterusnya menjadi warga yang bertanggungjawab dan mampu menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara.

KPM melalui Teras Kedua, Tujuh Teras Nadi Keunggulan KPM berhasrat untuk mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan murid dengan memberikan penekanan kepada aspek karamah insaniah. Maka, adalah penting aspek karamah insaniah ini diberi penekanan di sekolah agar tidak wujud mangsa dan pemangsa buli.

Besarliah harapan KPM agar dengan terhasilnya garis panduan ini akan menjadi pegangan kepada para guru dan institusi pendidikan untuk memastikan salah laku buli dapat dikurangkan hingga ke sifar kes sekali gus mewujudkan suasana sekolah yang selamat dan harmoni.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

KATA ALU-ALUAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Anak yang Baik lagi Cerdik.

Senario yang semakin menggusarkan ibu bapa dan masyarakat di Malaysia pada masa ini ialah kes salah laku buli yang semakin meningkat. Perbuatan buli bukan sahaja memberikan kesan negatif kepada mangsa buli tetapi juga membantutkan hasrat KPM untuk menjadikan sekolah suatu tempat yang selamat untuk murid.

KPM sentiasa cakna terhadap keselamatan dan kesejahteraan murid di sekolah. Penghasilan **Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** merupakan salah satu inisiatif KPM untuk menangani isu salah laku buli. Kerjasama daripada semua pihak perlu digembleng untuk memastikan gejala buli ini dapat diatasi.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan Garis panduan ini. Diharapkan agar garis panduan ini dapat digunakan sepenuhnya oleh pihak berkepentingan demi memastikan sekolah menjadi institusi yang bebas buli.

Sekian.

HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Prakata	i
Kata Alu-aluan Menteri Pendidikan	iii
Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia	v
Kata Alu-aluan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia	viii
Sektor Operasi Sekolah	
PENGENALAN	
1.1 Tujuan	1
1.2 Latar belakang	1
1.3 Objektif	2
1.4 Pemakaian	2
1.5 Keperluan Pematuhan Perundangan dan Pekeliling Berkuat kuasa	3
SALAH LAKU BULI	
2.1 Definisi	5
2.2 Jenis Salah Laku Buli	5
(a) Buli Fizikal	6
(b) Buli Lisan	6
(c) Buli Bukan Lisan	8
(d) Buli Siber	6
2.3 Salah Laku Buli yang Membawa Kepada Kesalahan Jenayah	7
2.4 Punca Salah Laku Buli	7
2.5 Kesan Salah Laku Buli	8
PIHAK PENGURUSAN KES SALAH LAKU BULI	
3.1 Pengetua atau Guru Besar: Pihak Berkuasa Disiplin	9
3.2 Guru Penyiasat	9
3.3 Jawatankuasa Disiplin	10
3.4 Jawatankuasa Permuafakatan	12

TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU BULI		
4.1	Skop Pelaksanaan Tatacara Pengendalian	14
4.2	Penerimaan Aduan atau Laporan Media/Berita	14
4.3	Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Buli	15
4.4	Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli - Kes Dilaporkan kepada Polis	16
4.5	Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli – Tiada Laporan Polis Dibuat	17
4.6	Tindakan Disiplin	19
4.7	Rayuan kepada Pendaftar	19
4.8	Rekod Disiplin (SSDM) dan Laporan SPI SOP 1:3:7	20
4.9	Carta Alir Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Buli	21
4.10	Carta Alir Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli: Tiada Laporan Polis Dibuat	22
4.11	Carta Alir Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli: Kes Dilaporkan kepada Polis	23
PELAKSANAAN INTERVENSI BAGI KES BULI		
5.1	Intervensi	24
5.2	Matlamat Intervensi	25
5.3	Peranan dan Tanggungjawab	25
5.4	Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Intervensi	28
5.5	Pelaksanaan Intervensi Pencegahan	28
5.6	Pelaksanaan Intervensi Perkembangan	29
5.7	Pelaksanaan Intervensi Pemulihan	30
	Contoh Pelan Strategi Modifikasi Tingkah Laku (Salah Laku Buli)	32
5.8	Pelaksanaan Intervensi Krisis	35
5.9	Refleksi Intervensi	41
5.10	Tindakan Penambahbaikan	41
	Contoh Pelan Tindakan Intervensi Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan	42
	LAMPIRAN A	43
	PENGHARGAAN	47

PEGENALAN

1.1 Tujuan

Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia ini (“Garis Panduan ini”) bertujuan menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan di institusi pendidikan dalam menjelaskan tatacara pengurusan salah laku buli. Garis Panduan ini juga memberikan kefahaman tentang salah laku buli, implikasinya dan peranan pihak yang terlibat dalam pengurusan salah laku buli di institusi pendidikan.

1.2 Latar Belakang

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan institusi pendidikan sebagai tempat yang selamat untuk murid menimba ilmu. KPM juga tidak berkompromi dalam hal yang melibatkan buli dan menegaskan bahawa salah laku buli merupakan salah laku berat serta tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak.

KPM sentiasa memberikan perhatian serius dan mengambil langkah proaktif untuk menangani isu salah laku buli. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah Program Sekolah Selamat dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM). Melalui inisiatif ini, Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari PDRM diwujudkan di setiap institusi pendidikan untuk memastikan persekitaran sekolah yang selamat.

KPM juga sangat memahami kebimbangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak di sekolah khususnya yang tinggal di asrama. Oleh itu, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan Garis Panduan ini untuk menangani salah laku buli. Segala saranan yang dikemukakan dalam Garis Panduan ini diharap dapat dimanfaatkan oleh semua pihak berkepentingan ke arah perubahan dan pembentukan sahsiah murid yang positif.

1.3 Objektif

Garis Panduan ini dikeluarkan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

- (a) menjadi asas panduan dan rujukan bagi pengurusan salah laku buli di institusi pendidikan;
- (b) menjelaskan secara terperinci definisi, jenis, faktor dan implikasi salah laku buli di institusi pendidikan;
- (c) menerangkan peranan dan fungsi jawatankuasa bagi pengurusan salah laku buli di institusi pendidikan; dan
- (d) menjelaskan tatacara pengurusan kes salah laku buli, pelaksanaan tindakan disiplin dan intervensi bagi kes salah laku buli di institusi pendidikan.

1.4 Pemakaian

- (a) Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada institusi pendidikan seperti yang berikut:
 - (i) sekolah kerajaan;
 - (ii) sekolah bantuan kerajaan; dan
 - (iii) kolej vokasional.

- (b) Sekiranya terdapat percanggahan antara peruntukan dalam Garis Panduan ini dengan mana-mana peruntukan dalam garis panduan, surat pekeliling ikhtisas (SPI) atau surat siaran terdahulu yang sedang berkuat kuasa, Garis Panduan ini hendaklah mengatasi setakat mana percanggahan itu.

1.5 Keperluan Pematuhan Perundangan dan Pekeliling Berkuat Kuasa

- (a) Semua pihak yang terlibat dalam menguruskan kes salah laku buli seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini, terutamanya pihak pengurusan institusi pendidikan, hendaklah memahami dan mematuhi peruntukan perundangan seperti yang berikut yang menjadi asas kepada Garis Panduan ini:
- (i) Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];
 - (ii) Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah), 1959 / *Education (School Discipline) Regulations, 1959 [L.N.61/1959]*;
 - (iii) Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*];
 - (iv) Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
 - (v) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*];
 - (vi) Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 [*Akta 336*]; dan
 - (vii) Kanun Prosedur Jenayah [*Akta 593*].
- (b) Dalam menguruskan dan mengendalikan kes salah laku buli, jika berkenaan, Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPI seperti yang berikut:
- (i) Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7* Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid;
 - (i) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Disiplin di Sekolah. Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid;
 - (ii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983: Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid yang Melakukan Perbuatan Salah Laku yang Tidak Dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran;
 - (iii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1993: Laporan Kepada Polis Salahlaku yang Berbentuk Jenayah;
 - (iv) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman Terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah;
 - (v) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman Di Sekolah;

- (vi) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 18/1998: Penggunaan Budi Bicara Ketika Mengambil Tindakan;
- (vii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin Di Sekolah;
- (viii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin; dan
- (ix) SPI Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid.

SALAH LAKU BULI

2.1 Definisi

Buli adalah perbuatan oleh seorang atau beberapa orang yang menggunakan kekuatan atau kekerasan untuk menakutkan, mengganggu, menghina atau menyakitkan orang lain melalui pelbagai kaedah, sama ada secara fizikal, mental atau emosi yang mengakibatkan kecederaan fizikal atau gangguan emosi kepada mangsa.

2.2 Jenis Salah Laku Buli

Salah laku buli boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan adalah penting untuk mengenal pasti jenis salah laku buli supaya pelaksanaan intervensi bagi menangani masalah buli dalam kalangan murid boleh dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan. Jenis salah laku buli dalam kalangan murid yang biasa berlaku, termasuk—

(a) Buli Fizikal

Buli fizikal melibatkan kekerasan atau keganasan fizikal ke atas tubuh badan dan harta benda mangsa seperti memukul, menggigit, menyepak, mencubit, meludah, menendang, menumbuk, menampar, mencuri, menyembunyikan atau merosakkan harta benda mangsa atau memaksa mangsa melakukan perkara-perkara yang tidak diingini.

(b) Buli Lisan

Buli lisan adalah salah laku buli yang dilakukan dengan percakapan seperti mengejek, mengusik atau menghina, menyebarkan khabar angin atau fitnah, mengancam dan mengejek saiz badan orang lain (body-shaming), paras rupa, warna kulit, keturunan, bangsa dan kecacatan. Selain itu, buli lisan juga melibatkan panggilan atau gelaran yang mengaibkan, memfitnah, mencarut, memaki, menghina, mengherdik, mempersenda dan pernyataan-pernyataan lisan yang lain.

(c) **Buli Bukan Lisan**

Buli bukan lisan adalah salah laku buli yang dilakukan dengan isyarat atau gaya bahasa badan, gerak tubuh dan mimik muka seperti menjegilkan mata, senyum sinis dan mencebik mulut, menjelir lidah, isyarat lucah dan perbuatan-perbuatan lain bukan lisan yang seumpamanya. Buli jenis ini juga boleh menjadi suatu bentuk serangan psikologi, iaitu melalui perbuatan seperti pemulauan (boikot) dan pengasingan.

(d) **Buli Siber**

Perbuatan buli siber merupakan perbuatan dengan tujuan untuk menakutkan, mendatangkan kemarahan dan memalukan seseorang menggunakan kemudahan komunikasi menggunakan teknologi seperti teks, berbual (chatting), e-mel, laman web sosial, telefon bimbit dan permainan atas talian. Antara contoh salah laku buli siber adalah seperti yang berikut:

- (i) memulauan atau menyingkirkan seseorang dari kumpulan media sosial atau menyekat e-mel mereka tanpa sebab.
- (ii) menipu seseorang untuk mendedahkan maklumat peribadi dan menyebarkan kepada orang lain dengan tujuan untuk memalukan.
- (iii) menggodam e-mel atau akaun media sosial seseorang untuk menghantar mesej palsu dengan menyamar sebagai pemilik akaun.
- (iv) menggunakan media sosial untuk mempersendakan orang lain seperti rakan sekelas atau guru.

2.3 Salah Laku Buli yang Membawa Kepada Kesalahan Jenayah

Salah laku buli dalam kalangan murid juga boleh membawa kepada kesalahan jenayah seperti yang disenaraikan dalam Peruntukan Undang-undang berkaitan Kesalahan Jenayah (**LAMPIRAN A**).

2.4 Punca Salah Laku Buli

Salah laku buli boleh terjadi berpunca daripada pelbagai faktor, antaranya adalah seperti yang berikut:

(a) Faktor Keluarga

- (i) Kurang didikan dan penghayatan agama atau moral.
- (ii) Kurang perhatian dan kasih sayang.
- (iii) Keterbezaan gaya didikan.
- (iv) Peniruan gaya hidup dalam keluarga.
- (v) Kurang pemantauan.

(b) Faktor Individu

- (i) Saiz badan.
- (ii) Panas baran.
- (iii) Dendam kerana pernah dibuli.
- (iv) Kecelaruan gender.
- (v) Konsep sendiri yang rendah.
- (vi) Inginkan perhatian.

(c) Faktor Persekitaran

- (i) Mahu pengiktirafan rakan sebaya.
- (ii) Institusi masyarakat yang kurang prihatin.

(d) Pengaruh Media

- (i) Rancangan atau program yang bercorak keganasan.
- (ii) Bahan negatif melalui Internet.
- (iii) Permainan video yang menjurus kepada keganasan.

2.5 Kesan Salah Laku Buli

Mangsa buli berkemungkinan mengalami kesan jangka pendek dan jangka panjang dalam aspek yang berikut:

(a) Fizikal

- (i) Masalah kesihatan seperti selesema, sakit belakang, sesak nafas.
- (ii) Kecederaan seperti lebam atau luka.
- (iii) Gangguan tidur.
- (iv) Keletihan.
- (v) Hilang selera makan.

(b) Emosi

- (i) Tekanan emosi.
- (ii) Ketakutan.
- (iii) Kebimbangan.
- (iv) Kemurungan.
- (v) Rasa rendah diri.
- (vi) Rasa terancam.

(c) Tingkah Laku

- (i) Kehadiran ke sekolah merosot.
- (ii) Kurang keyakinan diri.
- (iii) Prestasi pelajaran merosot.
- (iv) Masalah penyesuaian diri.

PIHAK PENGURUSAN KES SALAH LAKU BULI

3.1 Pengetua atau Guru Besar: Pihak Berkuasa Disiplin

- (a) Pengetua atau guru besar (PGB) sebagai pihak berkuasa disiplin berfungsi mengawal disiplin murid di institusi pendidikan dan mempunyai kuasa seperti yang berikut:
 - (i) Memastikan Garis Panduan ini dipatuhi supaya pelaksanaan pengurusan disiplin selaras dengan peruntukan perundangan;
 - (ii) Melaksanakan tindakan disiplin yang bersesuaian dan wajar mengikut peraturan berkaitan disiplin yang berkuat kuasa;
 - (iii) Melantik mana-mana guru bagi menjalankan siasatan bagi kesalahan disiplin murid di institusi pendidikan;
 - (iv) Menubuhkan Jawatankuasa Disiplin; dan
 - (v) Melakukan apa-apa perkara lain yang disifatkan patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan.

- (b) PGB hendaklah memastikan latihan disediakan bagi pengendalian penyiasatan salah laku buli.

3.2 Guru Penyiasat

3.2.1 Pelantikan Guru Penyiasat

- (a) Mana-mana guru boleh dilantik oleh PGB untuk menjalankan siasatan awal ("guru penyiasat") bagi pengendalian kes salah laku buli sama ada berlaku di dalam atau di luar kawasan institusi pendidikan.
- (b) Guru penyiasat yang dilantik tidak semestinya guru yang sama bagi setiap kes salah laku.
- (c) Bagi menjamin ketelusan dan mengelakkan daripada percanggahan kepentingan, perlu dipastikan bahawa guru penyiasat yang dilantik tidak mempunyai kepentingan peribadi atau mempunyai hubungan secara langsung dengan mangsa, pelaku, ibu bapa atau penjaga.

- (d) Guru penyiasat yang dilantik bukan dalam kalangan ahli Jawatankuasa Disiplin.

3.2.2 Tanggungjawab Guru Penyiasat

- (a) Guru penyiasat mempunyai tanggungjawab seperti yang berikut:
- (i) Menjalankan siasatan secara adil dan berhemah.
 - (ii) Mengumpul bukti dan maklumat yang diperlukan untuk menyiasat kes salah laku.
 - (iii) Merekodkan keterangan daripada saksi dan mangsa yang terlibat dalam kes salah laku.
 - (iv) Menjaga kerahsiaan maklumat yang diterima.
 - (v) Mengemukakan laporan siasatan yang lengkap kepada PGB.
- (b) Bagi kes salah laku buli yang berlaku di asrama, guru penyiasat hendaklah dibantu oleh warden asrama.

3.3 Jawatankuasa Disiplin

3.3.1 Penubuhan, Keanggotaan dan Fungsi

- (a) PGB hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Disiplin yang terdiri daripada keanggotaan yang berikut:
- (i) Guru penolong kanan yang bertanggungjawab bagi hal ehwal murid (HEM) sebagai Pengerusi;
 - (ii) Guru yang bertanggungjawab sebagai ketua bagi perkara berkenaan dengan disiplin;
 - (iii) Guru penolong kanan yang bertanggungjawab bagi persekolahan sesi petang, jika institusi pendidikan itu mempunyai persekolahan sesi petang;
 - (iv) Guru yang bertanggungjawab bagi perkara berkenaan dengan bimbingan dan kaunseling (GBK); dan
 - (v) Tidak lebih daripada tiga orang guru lain dilantik oleh PGB.
- (b) Fungsi Jawatankuasa Disiplin adalah seperti yang berikut:

- (i) Merancang dan melaksanakan aktiviti atau program di institusi pendidikan yang berhubungan dengan disiplin murid mengikut peraturan berkaitan disiplin yang sedang berkuat kuasa; dan
- (ii) Boleh mengesyorkan mana-mana tindakan disiplin yang bersesuaian dan wajar, sama ada hukuman rotan, gantung sekolah atau buang sekolah, bagi suatu kesalahan disiplin untuk pertimbangan PGB.

3.3.2 Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Disiplin

(a) Pengerusi

- (i) Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Disiplin.
- (ii) Memastikan laporan perkembangan kes salah laku buli dikemukakan kepada pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN).

(b) Setiausaha

- (i) Bertanggungjawab kepada segala arahan Pengerusi.
- (ii) Mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada ahli jawatankuasa.
- (iii) Mencatat dan menyediakan minit mesyuarat.
- (iv) Menyediakan laporan lengkap mengikut format yang disediakan untuk dikemukakan kepada PGB.
- (v) Menyimpan segala rekod salah laku buli yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Disiplin.

(c) Ahli-ahli

- (i) Menghadiri setiap mesyuarat yang diadakan.
- (ii) Memainkan peranan aktif semasa mesyuarat seperti berbincang, memberikan pandangan mengikut bidang tugas masing-masing.

3.4 Jawatankuasa Permuafakatan

3.4.1 Penubuhan dan Tujuan Penubuhan

Sekiranya perlu, PGB boleh menubuhkan Jawatankuasa Permuafakatan bagi menyediakan platform rundingan secara harmoni pada peringkat dalaman institusi pendidikan bagi menyelesaikan pertikaian dan percanggahan yang berbangkit seperti yang berikut:

- (a) Ketidakpuasan hati mana-mana pihak ibu bapa atau penjaga mengenai hukuman gantung atau buang sekolah yang diputuskan oleh PGB bagi kesalahan disiplin yang dilakukan; atau
- (b) Ketidakpuasan hati mana-mana pihak mengenai pengendalian kes salah laku yang diuruskan oleh institusi pendidikan.

3.4.2 Keanggotaan Jawatankuasa Permuafakatan

Keanggotaan Jawatankuasa Permuafakatan adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : PGB

Timbalan Pengerusi : Guru Penolong Kanan HEM (PK HEM)

Setiausaha : Setiausaha Disiplin

Ahli Jawatankuasa :

- (a) GBKSM atau guru bimbingan lantikan sekolah;
- (b) Pegawai Perhubungan Sekolah PDRM (PPS);
- (c) wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG);
- (d) warden asrama;
- (e) ibu bapa atau penjaga pelaku;
- (f) ibu bapa atau penjaga mangsa;
- (g) ketua kampung atau pengerusi persatuan penduduk, jika perlu; dan
- (h) pegawai PPD, jika perlu.

3.4.3 Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Permuafakatan

- (a) Pengerusi
 - (i) Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Permuafakatan.
 - (ii) Menjelaskan situasi salah laku.

- (b) Setiausaha
 - (i) Mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada ahli Jawatankuasa Permuafakatan.
 - (ii) Membuat catatan dan minit mesyuarat.

- (c) Ahli Jawatankuasa
 - (i) Memainkan peranan aktif semasa mesyuarat seperti berbincang dan memberikan pandangan mengikut bidang kuasa masing-masing.

TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU BULI

4.1 Skop Pelaksanaan Tatacara Pengendalian

- (a) Skop pelaksanaan tatacara pengendalian oleh institusi pendidikan merangkumi kejadian salah laku buli yang melibatkan murid, sama ada sebagai mangsa atau pelaku, yang berlaku di dalam atau di luar kawasan institusi pendidikan.
- (b) Sekiranya kejadian salah laku buli melibatkan orang awam sebagai pelaku, kejadian tersebut boleh dilaporkan kepada PDRM. Bagi kes yang melibatkan guru atau anggota kumpulan pelaksana (AKP) sebagai pelaku, PGB hendaklah merujuk terus kepada JPN untuk diambil tindakan sewajarnya.

4.2 Penerimaan Aduan atau Laporan Media/Berita

- (a) Pengadu (mangsa atau pemberi maklumat), dengan kadar segera selepas kejadian salah laku buli, boleh membuat aduan dengan menyatakan tentang butiran seperti tarikh, masa, lokasi, murid, pelaku dan saksi kejadian yang terlibat melalui saluran seperti yang berikut:
 - (i) Membuat atau merujuk suatu aduan salah laku buli terus kepada pihak pentadbiran atau mana-mana guru di institusi pendidikan;
 - (ii) Memasukkan aduan bertulis ke dalam peti aduan yang disediakan di institusi pendidikan; atau
 - (iii) Mengemukakan aduan salah laku buli terus kepada KPM melalui portal aduan buli, KPM.

- (b) Sekiranya PGB dimaklumkan mengenai aduan seperti yang dikemukakan oleh pengadu berdasarkan perenggan 4.2(a) atau diketahui melalui laporan media/berita berhubung dengan kes salah laku buli terhadap muridnya, PGB hendaklah, dengan segera dan secara sulit, memulakan tindakan tatacara pengendalian aduan dan kes salah laku seperti yang ditetapkan dalam Bab ini.

4.3 Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Buli

- (a) Apabila PGB mengetahui mengenai kejadian salah laku buli tersebut, PGB hendaklah, dalam tempoh 24 jam, mengambil tindakan seperti yang berikut:
- (i) Menghubungi ibu bapa atau penjaga murid yang terlibat (pelaku dan mangsa);
 - (ii) Menghantar dan mengiringi murid (sama ada mangsa atau pelaku) ke klinik atau hospital kerajaan/*One Stop Crisis Center* (OSCC) yang berdekatan untuk pemeriksaan fizikal sekiranya murid itu mengalami kecederaan fizikal atau gangguan emosi;
 - (iii) Memastikan aduan salah laku buli yang diterima direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM);
 - (iv) Memastikan laporan awal dilengkapi menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid (SOP 1:3:7); dan
 - (v) Mengemukakan laporan awal kepada PPD supaya laporan awal tersebut dikemukakan kepada JPN dan KPM.
- (b) Menurut seksyen 29A Akta Kanak-kanak 2001, sekiranya perlu dalam keadaan ibu bapa atau penjaga mangsa tidak mengambil peduli dengan keadaan mangsa, PGB juga boleh memberikan maklumat kepada pegawai kebajikan masyarakat jika mendapati, mangsa telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat salah laku buli itu.

- (c) Sekiranya perlu, PGB boleh berbincang dengan PPS untuk mendapatkan nasihat mengenai tindakan seterusnya terhadap kes salah laku buli yang diadakan.

4.4 Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli - Kes Dilaporkan kepada Polis

- (a) Setelah mendapati laporan polis dibuat berhubung dengan kes salah laku buli itu, maka PGB hendaklah :
- (i) mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh pihak PDRM untuk melengkapkan siasatan pihak PDRM yang merangkumi antaranya seperti yang berikut:
 - laporan disiplin dalam SSDM;
 - laporan kehadiran;
 - laporan akademik;
 - laporan perkembangan murid; dan
 - dokumen lain yang berkaitan seperti yang dipohon oleh pihak PDRM;
 - (ii) sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa yang terlibat seperti PDRM dalam menguruskan kes salah laku buli itu; dan
 - (iii) merekodkan ketidakhadiran murid ke institusi pendidikan selama tempoh penahanan oleh pihak PDRM dalam rekod disiplin (APDM dan/atau SSDM) sekiranya murid itu ditahan oleh pihak PDRM untuk proses siasatan ke atas kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Ketidakhadiran murid yang disebabkan oleh penahanan itu bukanlah suatu kesalahan disiplin.
- (b) Sekiranya PGB dimaklumkan bahawa salah laku seperti yang dilaporkan kepada polis bukan merupakan suatu kesalahan jenayah menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dan PGB mendapati salah laku tersebut adalah dalam kategori kesalahan disiplin seperti yang didaftarkan

dalam rekod disiplin (SSDM), maka PGB hendaklah mengendalikan kes kesalahan disiplin itu menurut perenggan 4.5.

- (c) Semasa proses siasatan polis dan prosiding mahkamah sedang dijalankan berkaitan pertuduhan jenayah terhadap murid, tiada tindakan disiplin boleh dikenakan berdasarkan pertuduhan yang sama seperti dalam prosiding mahkamah, melainkan pelaksanaan tindakan disiplin menurut perenggan 4.6 bagi maksud menjaga disiplin dan ketenteraman institusi pendidikan sekiranya murid itu boleh hadir ke sekolah selepas tamat tempoh penahanan polis tetapi prosiding mahkamah masih berjalan.
- (d) Tanpa mengambil kira apa-apa dapatan dan perintah mahkamah, sama ada pelaku didapati bersalah atau tidak, PGB hendaklah memastikan pelaku menjalani sesi intervensi pemulihan oleh GBK dengan syarat pelaku masih murid di institusi pendidikan. PGB juga perlu memastikan mangsa dan saksi kejadian menjalani sesi intervensi pemulihan oleh GBK.

4.5 Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli – Tiada Laporan Polis Dibuat

Sekiranya ibu bapa atau penjaga mangsa memutuskan untuk tidak membuat laporan polis mengenai kejadian buli yang berlaku atau susulan daripada hasil siasatan polis, PGB dimaklumkan bahawa salah laku seperti yang dilaporkan kepada polis bukan merupakan suatu kesalahan jenayah menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dan PGB mendapati salah laku tersebut adalah dalam kategori kesalahan disiplin seperti yang didaftarkan dalam rekod disiplin (SSDM), maka PGB hendaklah :

- (a) melantik guru penyiasat dan mengarahkannya untuk memulakan siasatan dengan mendapatkan keterangan daripada saksi dan mangsa yang terlibat dalam kes salah laku dan mengemukakan laporan hasil siasatan berhubung dengan kes salah laku tersebut kepada PGB dengan kadar segera;

- (b) mengarahkan PK HEM untuk mencadangkan tindakan disiplin yang wajar ditentukan ke atas kesalahan disiplin yang dilakukan setelah PGB berpuas hati dengan laporan guru penyiasat yang mendapati kesalahan disiplin itu adalah berasas dengan bukti yang cukup;
- (c) mengarahkan Jawatankuasa Disiplin untuk mengesyorkan suatu tindakan disiplin yang wajar ditentukan ke atas kesalahan disiplin itu sekiranya cadangan tindakan disiplin yang melibatkan hukuman rotan, gantung sekolah atau buang sekolah;
- (d) membuat pengesahan dalam rekod disiplin (SSDM) mengenai mana-mana satu tindakan disiplin yang diputuskan oleh PGB;
- (e) menghubungi murid (pelaku) dan ibu bapa atau penjaganya untuk menghadiri sesi perjumpaan secara tertutup dengan PGB atau apa-apa cara lain yang wajar bagi :
 - (i) memaklumkan tentang kesalahan disiplin yang telah dilakukan oleh murid itu;
 - (ii) memberi peluang bagi mendapatkan penjelasan lisan daripada murid itu dan ibu bapa atau penjaganya berkenaan dengan kesalahan disiplin yang telah dilakukan; dan
 - (iii) memaklumkan tindakan disiplin yang akan dikenakan ke atas murid itu.
- (f) jika perlu, mengarahkan supaya Jawatankuasa Permuafakatan ditubuhkan bagi tujuan menyelesaikan pertikaian itu secara dalaman, sekiranya ibu bapa atau penjaga bagi mangsa atau pelaku tidak berpuas hati dan mempertikaikan keputusan PGB;
- (g) melaksanakan tindakan disiplin yang dimuktamadkan terhadap pelaku menurut perenggan 4.6; dan

- (h) memastikan sesi intervensi pemulihan dilaksanakan oleh GBK kepada mangsa, pelaku dan saksi kejadian dalam tempoh pengurusan salah laku sehingga pelaksanaan tindakan disiplin disempurnakan oleh pelaku.

4.6 Tindakan Disiplin

- (a) Seseorang murid yang didapati telah melakukan salah laku buli sebagai kesalahan disiplin boleh dikenakan dengan mana-mana satu tindakan disiplin mengikut peraturan berkaitan disiplin yang berkuat kuasa di bawah Akta Pendidikan 1996.
- (b) PGB hendaklah mengambil kira rekod disiplin murid sebelum ini apabila membuat keputusan mengenai tindakan disiplin yang dikenakan selanjutnya terhadap murid itu. Tiada tindakan disiplin boleh dilaksanakan semasa murid itu sedang menduduki peperiksaan.

4.7 Rayuan kepada Pendaftar

Ibu bapa atau penjaga murid (pelaku) yang tidak berpuas hati dengan keputusan PGB untuk mengenakan tindakan gantung sekolah atau buang sekolah terhadap murid itu boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Pendaftar dalam tempoh tiga hari dari tarikh pemakluman mengenai tindakan disiplin yang telah diputuskan.


4.8 Rekod Disiplin (SSDM) dan Laporan SPI SOP 1:3:7

- (a) PGB hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod disiplin (SSDM) bagi setiap murid yang didapati melakukan kesalahan disiplin.
- (b) PGB juga hendaklah memastikan—

- (i) tindakan yang diambil dalam mengendalikan kes salah laku dan hukuman disiplin yang dikenakan ke atas apa-apa kesalahan disiplin yang dilakukan oleh murid direkodkan dan sentiasa dikemas kini serta disahkan dalam rekod disiplin (SSDM) murid itu; dan
- (ii) laporan disediakan mengenai perkembangan pengurusan kes salah laku sehingga kes diselesaikan dan dikemukakan laporan itu kepada PPD, JPN dan KPM menurut SPI SOP 1:3:7.

4.9 Carta Alir Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Buli

CARTA ALIR TATACARA PENGENDALIAN ADUAN SALAH LAKU BULI (RUJUK PERENGGAN 4.3)




Rujukan

PGB	: Pengetua / Guru Besar
GPK HEM	: Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
GDS	: Guru Disiplin Sekolah
PPD	: Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	: Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
BPSH	: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
SSDM	: Sistem Sahsiah Diri Murid
OSCC	: <i>One Stop Crisis Center</i>
SPI SOP 1:3:7	: SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan <i>Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7</i> Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid

4.10 Carta Alir Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli: Tiada Laporan Polis Dibuat

CARTA ALIR TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU BULI - TIADA LAPORAN POLIS DIBUAT (RUJUK PERENGGAN 4.5)




Rujukan

- PGB : Pengetua/Guru Besar
- GPK HEM : Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
- GDS : Guru Disiplin Sekolah
- PPD : Pejabat Pendidikan Daerah
- JPN : Jabatan Pendidikan Negeri
- KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia
- BPSH : Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- GBK : Guru Bimbingan dan Kaunseling
- SSDM : Sistem Sahsiah Diri Murid
- SPI SOP 1:3:7 : SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid

4.11 Carta Alir Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Buli: Kes Dilaporkan kepada Polis

**CARTA ALIR
TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU BULI - KES DILAPORKAN KEPADA POLIS
(RUJUK PERENGGAN 4.4)**



Rujukan

- PGB : Pengetua / Guru Besar
- GPK HEM : Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
- GDS : Guru Disiplin Sekolah
- PPD : Pejabat Pendidikan Daerah
- JPN : Jabatan Pendidikan Negeri
- KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia
- BPSH : Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- GBK : Guru Bimbingan dan Kaunseling
- SSDM : Sistem Sahsiah Diri Murid
- SPI SOP 1:3:7 : SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7* Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid

PELAKSANAAN INTERVENSI BAGI KES SALAH LAKU BULI

5.1 Intervensi

- (a) Intervensi merupakan usaha untuk memberikan pemulihan, bimbingan, khidmat nasihat, gabungan pendidikan, penjagaan diri, interaksi sosial, perkembangan kemahiran psikomotor dan sebagainya kepada murid dan juga keluarga sebaik sahaja sesuatu masalah atau isu salah laku buli dapat dikesan.
- (b) Intervensi buli merujuk kepada langkah-langkah dan strategi yang diambil untuk menghentikan, mencegah, dan merawat kesan buli. Setiap intervensi memerlukan pendekatan yang sistematik dan konsisten. Penting untuk memahami bahawa buli bukan hanya masalah individu tetapi juga masalah komuniti, dan ia memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk menanganinya dengan berkesan.
- (c) Terdapat empat jenis intervensi utama yang boleh dilaksanakan bagi menangani salah laku buli, iaitu:
 - (i) Intervensi pencegahan;
 - (ii) Intervensi perkembangan;
 - (iii) Intervensi pemulihan; dan
 - (iv) Intervensi krisis.
- (d) Dalam pemilihan intervensi atau program dalam pengendalian salah laku buli, pihak pentadbir dan jawatankuasa program haruslah meneliti beberapa implikasi yang mempunyai hubung kait agar intervensi atau program yang dipilih berkesan kepada murid. Keberkesanan intervensi atau program dapat mengelakkan tingkah laku negatif murid sehingga menghasilkan tingkah laku ganas dalam diri seperti buli, pergaduhan, balas dendam dan sebagainya.

5.2 Matlamat Intervensi

Intervensi perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat seperti yang berikut:

- (a) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid di institusi pendidikan mengenai salah laku buli;
- (b) Mengenal pasti perkara yang dirancang sesuai dengan intervensi yang akan dilaksanakan oleh pihak sekolah; dan
- (c) Mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan tentang kesedaran salah laku buli di sekolah.

5.3 Peranan dan Tanggungjawab

5.3.1 Institusi Pendidikan

- (a) Intervensi ini melibatkan seluruh institusi pendidikan. Jawatankuasa intervensi buli dibentuk bagi merancang program intervensi mengikut keperluan berdasarkan data rekod disiplin murid dan memantau keseluruhan program. Jawatankuasa ini bertindak menyebarkan peraturan dan polisi salah laku buli serta bertanggungjawab mengadakan latihan kepada guru dan kakitangan sekolah tentang cara dan tindakan yang patut dilakukan bagi mencegah dan membendung perlakuan buli di sekolah berdasarkan Garis Panduan ini.
- (b) Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti PDRM, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), *Cybersecurity*, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) serta institusi agama dan moral.

- (c) Memastikan program pencegahan berfokus kepada membudayakan nilai murni dan membina sahsiah murid mengikut keperluan institusi pendidikan seperti kempen, ceramah, pameran, poster, pertandingan dan seumpamanya.

5.3.2 Peranan Guru

- (a) Dalam bilik darjah
 - (i) Meningkatkan keprihatinan dan sensitif dengan perubahan sikap, emosi dan tingkah laku murid.
 - (ii) Menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid agar menghormati dan mengenali antara satu sama lain.
 - (iii) Mewujudkan persekitaran dan iklim bilik darjah yang kondusif agar dapat membantu murid berasa selamat, disokong serta terlibat dengan aktif dalam pelaksanaan aktiviti.
 - (iv) Melaksanakan program pendidikan pencegahan buli merentas aktiviti kurikulum dan kokurikulum murid.
- (b) Luar bilik darjah
 - (i) Memberikan penerangan tentang salah laku buli dan tatacara pengemukaan aduan salah laku buli semasa perhimpunan sekolah.
 - (ii) Menyebarkan maklumat salah laku buli secara infografik, poster dan aplikasi media sosial sebagai medium kempen dan penyebaran informasi.

5.3.3 Peranan Murid

- (a) Menyertai program intervensi untuk meningkatkan penghargaan sendiri, membina keyakinan dan keberanian diri.
- (b) Memahami tatacara melaporkan aduan salah laku buli.
- (c) Mengenal pasti perkara yang menyebabkan kemarahan dan cara menguruskan kemarahan dengan betul.

5.3.4 Peranan Pemimpin Murid (Duta Murid)

- (a) Pemimpin murid menunjukkan keterampilan dan sahsiah yang positif agar dapat dijadikan teladan kepada murid lain.
- (b) Pemimpin murid berperanan membantu guru dalam memastikan murid memahami dan mematuhi peraturan berkaitan dengan disiplin murid.
- (c) Pemimpin murid memupuk rasa patuh kepada peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa serta membangkitkan kesedaran dan kepekaan murid membanteras perbuatan jenayah di dalam dan di luar institusi pendidikan khususnya salah laku buli.
- (d) Pemimpin murid berkemampuan dalam membantu rakan sebaya secara positif, berkesan, berkemahiran dan berketerampilan dalam membantu diri dan membantu orang lain.

5.3.5 Peranan Ibu bapa atau Penjaga

- (a) Meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan pendidikan keibubapaan.
- (b) Memantau kandungan media sosial yang dilayari oleh anak-anak.
- (c) Meningkatkan keprihatinan terhadap keperluan emosi, memberikan perhatian dan mengambil berat terhadap perubahan emosi, tingkah laku serta perubahan sikap anak-anak.
- (d) Menanam sikap tidak ambil mudah terhadap setiap perkara yang dikongsikan oleh anak-anak.
- (e) Meningkatkan pengetahuan literasi undang-undang antara PIBG dengan Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta (PIBKS).
- (f) Memantau keselamatan anak-anak di luar sekolah.

5.3.6 Peranan Komuniti dan Masyarakat

- (a) Menyokong inisiatif institusi pendidikan dalam mengatasi masalah buli.
- (b) Mengadakan kempen antibuli pada peringkat komuniti.
- (c) Menjadi sumber sokongan dan bimbingan kepada murid yang terlibat dalam kes buli.

5.4 Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Intervensi

- (a) Bagi merancang dan melaksanakan intervensi untuk menangani salah laku buli dengan lebih berkesan dan menyeluruh, suatu jawatankuasa mengenai pelaksanaan strategi intervensi perlu diwujudkan di institusi pendidikan dan disarankan keanggotaannya seperti yang berikut:
 - (i) pengetua dan guru besar;
 - (ii) semua Penolong Kanan;
 - (iii) guru kanan mata pelajaran (bagi sekolah menengah);
 - (iv) guru disiplin sekolah;
 - (v) guru bimbingan dan kaunseling;
 - (vi) wakil guru dan AKP;
 - (vii) warden asrama;
 - (viii) wakil badan kepimpinan murid; dan
 - (ix) wakil PIBG.

5.5 Pelaksanaan Intervensi Pencegahan

- (a) Intervensi pencegahan merupakan usaha yang berasaskan kepada sesuatu masalah itu mungkin timbul dan meruncing. Usaha perlu dijalankan bagi menghalang kes buli berlaku. Pelaksanaan intervensi pencegahan boleh menggunakan pelbagai cara atau pendekatan dalam menangani salah laku buli. Keperluannya dapat dikesan melalui petunjuk atau petanda yang berlaku dalam persekitaran semasa. Antara contoh program intervensi yang dapat dijalankan ialah kempen, program psikopendidikan, pendidikan pencegahan isu buli, edaran poster, risalah, ceramah kesedaran buli, forum dan sebagainya.

- (b) Pelaporan program intervensi pencegahan hendaklah didokumentasikan.

5.6 Pelaksanaan Intervensi Perkembangan

- (a) Intervensi perkembangan bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, membina kemahiran dan akhlak murid supaya mereka mempunyai ketahanan diri yang kuat untuk menghadapi situasi buli.
- (b) Intervensi perkembangan perlu dirancang dengan melibatkan aktiviti kurikulum dan kokurikulum murid bagi mengenali diri sendiri dan orang sekeliling sebelum berlaku kejadian buli dalam kalangan murid. Pelaksanaan intervensi perkembangan harus mencakupi aspek agama, nilai dan moral, psikososial serta kesejahteraan mental sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).
- (c) Intervensi perkembangan juga perlu dirancang dengan rapi supaya dapat melengkapkan kurikulum akademik, serta pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Setiap murid perlu diberikan peluang mengenali diri mereka sendiri dan orang lain sebelum timbulnya sesuatu masalah dalam hidup mereka.
- (d) Bidang intervensi perkembangan yang perlu diberikan tumpuan adalah:
 - (i) Perkembangan agama dan moral.
 - (ii) Perkembangan psikososial.
 - (iii) Perkembangan kognitif dan afektif.
 - (iv) Perkembangan fizikal (fisiologikal) dan seksual.
 - (v) Perkembangan vokasional dan kerjaya.

5.7 Pelaksanaan Intervensi Pemulihan

- (a) Fokus pelaksanaan intervensi pemulihan adalah mengenal pasti dari semasa ke semasa kelemahan atau masalah yang dihadapi oleh murid yang terlibat dalam situasi salah laku buli sama ada sebagai pengadu, pelaku, mangsa atau saksi/pemerhati dan membantu mereka pulih daripada masalah dan trauma yang berpunca daripada situasi buli itu.
- (b) Pendekatan intervensi pemulihan melibatkan sesi bimbingan dan kaunseling, konsultasi, rujukan dan advokasi dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkenaan seperti KKM, JKM, PDRM dan KPWKM.
- (c) Intervensi pemulihan untuk murid yang terlibat dalam salah laku buli melalui modifikasi tingkah laku. Intervensi ini menggunakan pendekatan *The Transtheoretical Model* (TTM) oleh Prochaska dan Diclemente (1983) bagi mencapai perubahan tingkah laku yang efektif. Model ini menerangkan bagaimana seseorang individu mengubah tingkah laku melalui enam peringkat seperti yang berikut:

Tahap	Penerangan
<i>Precontemplation</i>	Tiada hasrat untuk mengubah tingkah laku.
<i>Contemplation</i>	Berhasrat untuk mengubah tingkah laku.
<i>Preparation</i>	Bersedia untuk mengubah tingkah laku.
<i>Action</i>	Melakukan perubahan tingkah laku.
<i>Maintenance</i>	Terus mengamalkan/tetapkan dengan perubahan.
<i>Relapse</i>	Kembali kepada tingkah laku yang lama/ mengabaikan perubahan tingkah laku.

Penilaian tahap kesediaan murid terlibat salah laku buli boleh dikenal pasti melalui maklum balas dalam borang saringan *Stage of Change* (SOC) yang digunakan berdasarkan markah yang diperolehi. Tahap kesediaan murid terlibat boleh dikategorikan kepada tahap-tahap perubahan berdasarkan Model TTM.

Model TTM boleh dihubungkan dengan tingkah laku buli seseorang pelaku yang berada dalam proses perubahan tingkah laku dan kaedah membantu mereka mengatasi masalah tersebut. Berikut adalah penerangan mengenai tahap-tahap perubahan dalam model ini berkaitan dengan tingkah laku buli:

Tahap	Penerangan
<i>Precontemplation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaku buli mungkin tidak menyedari atau menafikan bahawa tindakan mereka adalah salah atau membahayakan orang lain. • Mereka mungkin berpendapat bahawa tindakan salah laku buli tersebut adalah norma dalam kumpulan rakan sebaya mereka.
<i>Contemplation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaku buli mula menyedari bahawa tindakan mereka mungkin salah atau merugikan. • Walaupun mereka mungkin belum bersedia untuk berhenti melakukan buli, mereka mulai mempertimbangkan potensi kesan dari tindakan mereka.
<i>Preparation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaku mula mencari cara untuk berhenti atau mengurangkan tindakan buli mereka. • Mereka mungkin menghindari situasi yang mendorong mereka melakukan buli atau mencari sokongan dari orang lain untuk mengubah tingkah laku mereka.
<i>Action</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaku aktif berusaha untuk berhenti membuli dan mungkin menggunakan strategi atau mendapatkan bantuan untuk mengatasi kecenderungan mereka. • Mereka mungkin meminta maaf kepada mangsa atau berusaha memperbaiki hubungan dengan mereka.
<i>Maintenance</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaku buli telah berhenti membuli dan kini fokus kepada memelihara tingkah laku positif ini. • Mereka mungkin berusaha untuk mengelak dari situasi atau kumpulan yang mendorong tingkah laku buli dan mencari sokongan dari rakan atau orang dewasa.

Tahap	Penerangan
<i>Relapse</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Seperti mana tingkah laku perubahan lain, ada kemungkinan bagi pelaku buli untuk kembali ke tingkah laku lama mereka, terutama dalam situasi tertekan atau jika dikelilingi oleh rakan sebaya yang membuli. • Penting bagi mereka untuk memahami penyebab <i>relapse</i> dan kaedah mengelakkan atau mengenal pasti penyebab serta mengatasinya.

Dalam pendekatan perubahan tingkah laku buli, Model TTM ini membantu kita memahami bahawa mengubah tingkah laku memerlukan masa, kesedaran, usaha, dan sokongan. Pemahaman mengenai tahap perubahan pelaku ini, membolehkan pendidik, ibu bapa, dan profesional lain memberi sokongan dan sumber yang diperlukan untuk membantu perubahan mengubah tingkah laku pelaku.

Contoh Pelan Strategi Modifikasi Tingkah Laku (Salah Laku Buli)

Tahap Perubahan	Ciri-Ciri Murid Terlibat (Salah Laku Buli)	Matlamat Pelaksana	Intervensi
<i>Precontemplation</i>	Murid berkenaan tidak mempunyai niat atau hasrat untuk berubah kerana tidak sedar bahawa perbuatan membuli tersebut dalam kategori salah laku buli atau murid menganggap salah laku tersebut sebagai gurauan.	Membantu murid berkenaan tahu dan sedar bahawa mereka sebenarnya mempunyai perlakuan dalam salah laku buli.	<ul style="list-style-type: none"> • Pendekatan yang digunakan adalah pendidikan berbentuk pembentukan sahsiah atau disiplin secara individu atau kelompok. • Murid berkenaan diberi pendedahan dan maklumat berkaitan dengan keburukan serta kesan akibat membuli dan dibuli. • Mendapatkan persepsi murid berkenaan terhadap akibat buruk dan risiko dalam salah laku buli.

(d) Panduan Proses Sesi Bimbingan dan Kaunseling Individu atau Kelompok.

Pengisian Sesi

- (i) Suai kenal.
- (ii) Tujuan dan penstrukturan kelompok.
 - Menjelaskan tujuan sesi.
 - Membuat penstrukturan dengan menekankan kerahsiaan, menghormati ahli kelompok, mendengar sebelum mencelah, tidak memperlekehkan ahli kelompok, komitmen kehadiran dan lain-lain.
- (iii) Reaksi-reaksi yang lazim dalam trauma.
 - Situasi yang menyebabkan trauma.
 - Reaksi-reaksi tekanan trauma.
- (iv) Teknik-teknik mengawal fikiran dan bayangan yang mengganggu.
 - Mewujudkan tempat yang selesa dan selamat.
 - Menggunakan teknik imaginasi dengan membayangkan tempat yang selamat. Contoh adalah seperti yang berikut:

Teknik Imageri

Membantu ahli kelompok membayangkan suasana traumatik yang berlaku dan mempunyai daya untuk mengawal bayangan tersebut.

Teknik Relaksasi

Membantu murid terlibat mengurangkan tekanan, kebimbangan, rasa cemas melalui teknik pernafasan, berfikiran positif, bertenang, beribadat dan sebagainya.

Teknik Mengalihkan Perhatian (Sublimation)

Membantu murid terlibat menghadapi memori yang mengganggu melalui aktiviti yang boleh mengalihkan perhatiannya seperti menyertai aktiviti yang diminati, mendengar atau bermain alat muzik, membaca novel, menonton televisyen, beriadah dan sebagainya.

- (e) Antara modul berkaitan dengan intervensi pemulihan untuk rujukan GBK dan personel yang terlibat seperti Modul Kaunseling Berfokus dan strategi yang sesuai dengan intervensi pemulihan untuk salah laku buli.

5.8 Pelaksanaan Intervensi Krisis

- (a) Intervensi krisis merupakan usaha yang perlu dilaksanakan oleh personel semasa berhadapan dengan kes-kes krisis ataupun semasa mengendalikan setiap insiden krisis yang timbul secara mendadak dan memerlukan perhatian dan tindakan segera daripada pihak pentadbiran institusi pendidikan.
- (b) Setiap kes dikendalikan hampir sama dengan cara pengendalian intervensi kaunseling. Walau bagaimanapun, intervensi krisis hanya memberikan pemusatan perhatian kepada isu ataupun krisis yang sedang dihadapi oleh klien pada masa itu ditangani dengan berhemah dan mengutamakan keselamatan, kesihatan, kesejahteraan dan kebajikan murid. Personel perlu menggunakan kemahiran melayan, iaitu “berada bersama klien” dan kemahiran menolong yang sesuai pada ketika itu. Contoh krisis: Murid yang menghadapi tekanan emosi dan mental yang teruk, kerisauan yang terlampau (akut neurotik), kemurungan, histeria, cubaan membunuh diri, trauma (igauan buruk) dan pelbagai tindakan yang berisiko tinggi yang boleh memusnahkan diri ataupun mengancam keselamatan orang lain.
- (c) Intervensi ini juga digunakan bagi kes yang timbul secara mendadak apabila berlaku sesuatu keadaan yang mengganggu-gugat keselamatan diri dan orang lain. Intervensi krisis memerlukan perhatian serta tindakan segera oleh pihak sekolah seperti mangsa buli yang melibatkan kecederaan perlu dirujuk ke klinik atau hospital.

- (d) Dalam mengawal situasi krisis, pihak sekolah perlu mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

LANGKAH 1 : Memastikan setiap murid yang terlibat dalam keadaan selamat.

- (i) Merekodkan segala maklumat berkaitan dengan insiden buli yang berlaku.
- (ii) Memaklumkan kepada murid bahawa pihak sekolah mengambil serius tentang insiden buli dan akan mengambil tindakan yang tegas.

LANGKAH 2 : Berusaha menghentikan insiden buli daripada berulang.

- (i) Menjelaskan bahawa salah laku buli TIDAK BOLEH DITERIMA sama sekali.
- (ii) Mengenal pasti pelaku utama dalam kumpulan pembuli sama ada individu tersebut masih menggalakkan perbuatan buli.
- (iii) Terus memantau situasi semasa walaupun tiada lagi insiden buli berlaku.

LANGKAH 3 : Tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah terhadap perubahan (insiden buli) yang telah berlaku.

- (i) Mengambil pengajaran daripada insiden buli yang lepas. Pihak sekolah hendaklah mengenal pasti sama ada polisi semasa perlu ditambah baik dan dikemas kini serta keperluan Latihan diberikan.
- (ii) Menilai kemampuan pihak sekolah menghentikan insiden buli daripada terjadi kepada mana-mana murid pada masa depan.
- (iii) Pihak sekolah boleh bekerjasama dengan pihak berwajib seperti PDRM, KKM dan JKM serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membantu menghadapi insiden buli.


- (e) GBK boleh menggunakan prinsip tindakan *Psychological First Aid (PFA)* melalui tiga proses seperti yang berikut:

Gambar Rajah: Prinsip Tindakan PFA.



Objektif: Memberikan sokongan emosi dan psikologi segera kepada murid yang terjejas disebabkan buli, memastikan kesejahteraan mental mereka dan memudahkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

- (i) Lihat/Kesan untuk keselamatan
- Mengenal pasti murid yang mempunyai ciri-ciri mangsa buli yang perlu diberi bantuan segera.
 - Mengenal pasti murid yang mengalami *stress acute*.
 - Jika murid kelihatan sangat tertekan, ambil langkah untuk membantu mereka tenang seperti melalui latihan pernafasan.



Gambar Rajah: Lihat/Kesan Untuk Keselamatan.

(ii) Mendengar


- Dekati murid atau mangsa yang memerlukan bantuan dan sokongan agar mereka merasa dilihat dan didengar.
- Tanya murid terlibat jika ada yang memerlukan perhatian.
- Dengari keluhan atau rintihan murid terlibat dan bantu menenangkan.



Gambar Rajah: Mendengar.

(iii) Rujuk murid terlibat kepada:

- Jika buli telah menyebabkan tekanan emosi yang teruk, GBK perlu merujuk murid terlibat untuk kaunseling profesional atau perkhidmatan terapeutik.
- Bantu murid terlibat mendapatkan perkhidmatan GBK dan mengambil tindakan segera terhadap murid yang memerlukan perkhidmatan rujukan lanjut seperti PPD/JPN, KKM dan JKM serta SKMM.
- Dekati murid yang menjadi mangsa buli dalam suasana yang selamat dan peribadi.
- Memberi informasi yang diperlukan.



Gambar Rajah: Hubung/Rujuk Murid Terlibat.

(iv) Kejadian Lepas yang Mengganggu (Intrusion)

- Kejadian lepas yang mengganggu fikiran (imbas kembali) sehingga mengganggu konsentrasi.
- Keadaan trauma atau teringat kejadian buli yang lepas seperti keadaan tersebut benar berlaku sehingga mendatangkan rasa cemas dan takut berlebihan dan tidak terkawal.
- Menenangkan murid terlibat terutama mangsa yang trauma dan mengajar Teknik Relaksasi dan Teknik Pernafasan.

(f) Perkara yang Boleh Dilakukan dan Tidak Boleh Dilakukan (Do's and Don'ts):

Boleh Dilakukan (Do's)	Tidak Boleh Dilakukan (Don'ts)
Percaya pada murid, mengekalkan kerahsiaan (kecuali ada risiko), pastikan pemantauan yang konsisten.	Abaikan kebimbangan mereka, paksa mereka berhadapan dengan pelaku buli tanpa rancangan yang betul, atau label sesiapa tanpa bukti.
Mencari tempat yang sesuai untuk bercakap dan mengurangkan gangguan-gangguan luaran.	Jangan memaksa murid berkenaan untuk membuat perkongsian tentang ceritanya.
Menghormati privasi dan menyimpan rahsia dengan pertimbangan.	Jangan mengganggu atau bertindak tergesa-gesa semasa perkongsian cerita mangsa yang krisis seperti melihat jam tangan atau bercakap terlalu cepat.
Duduk berhampiran dengan murid berkenaan dan mengekalkan jarak yang bersesuaian dengan umur, jantina dan budaya murid berkenaan.	Jangan menyentuh murid berkenaan sekiranya anda kurang pasti sama ada sesuai atau tidak sesuai untuk bertindak sedemikian.
Membiarkan murid berkenaan tahu yang anda sedang mendengar	Jangan menilai apa yang harus atau tidak harus dilakukan atau dirasakan

Boleh Dilakukan (Do's)	Tidak Boleh Dilakukan (Don'ts)
dengan menggunakan kemahiran dorongan minimum seperti mengangguk kepala.	oleh murid berkenaan. Jangan berkata "Anda tidak perlu berasa begitu".
Memberikan maklumat fakta, jika anda mempunyai maklumat berkenaan. Anda harus bersikap jujur tentang apa yang anda tahu dan tidak tahu. Sebagai contoh, "Saya tidak tahu, tetapi saya akan cuba memperoleh maklumat berkenaan untuk anda".	Jangan menggunakan istilah yang terlalu teknikal.
Memberikan maklumat dengan cara yang senang dan mudah difahami.	Jangan berkongsi dengan murid berkenaan tentang cerita orang lain.
Memberikan pengakuan terhadap perasaan serta sebarang kehilangan atau peristiwa penting yang diberitahu oleh individu berkenaan. Contohnya, "Saya minta maaf. Saya boleh bayangkan bahawa ini memang menyedihkan".	Jangan bercakap tentang masalah anda.
Memberikan pengiktirafan terhadap kekuatan dan usaha untuk membantu diri mereka.	<ul style="list-style-type: none"> • Jangan membuat janji atau <i>reassurances</i> yang tidak tepat. • Jangan menjejaskan kekuatan atau rasa mampu untuk menjaga diri sendiri individu berkenaan. • Jangan bercakap tentang aspek negatif seseorang individu (misalnya, tidak memanggil mereka "gila".)

5.9 Refleksi Intervensi

- (a) Institusi pendidikan dapat meningkatkan pengetahuan terhadap salah laku buli.
- (b) Institusi pendidikan dapat mengenal pasti program-program yang dirancang bersesuaian dengan intervensi yang telah dilaksanakan.
- (c) Institusi pendidikan dapat mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan tentang kesedaran salah laku buli.
- (d) Institusi pendidikan dapat melaksanakan penambahbaikan bagi setiap intervensi.

5.10 Tindakan Penambahbaikan

- (a) Keberkesanan setiap program yang dilaksanakan dapat diketahui melalui penilaian keberkesanan pelaksanaan program atau intervensi.
- (b) Pasca nilai program diadakan bersama dengan pentadbir untuk penambahbaikan program yang telah dilaksanakan.

Contoh Pelan Tindakan Intervensi Salah Laku Buli Di Institusi Pendidikan

Tempat Berisiko (Buli)	Intervensi		Tindakan
<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Sekolah • Kawasan Luar Sekolah • Tandas • Padang • Lorong ilmu • Kelas • Bilik Khas • Kantin • Asrama 	<p>Pencegahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keluarga: <ul style="list-style-type: none"> - Asuhan - Didikan Agama - Peruntukan masa berkualiti - Komunikasi berkesan - Suri Teladan - Perlakuan Positif - Doa • Institusi Pendidikan: <ul style="list-style-type: none"> - Peraturan dan disiplin - Peti Aduan - Penyebaran Maklumat - Pemantauan berkala - Kempen - Pelibatan pihak agensi luar (PDRM, KKM, JKM dan lain-lain). • Murid: <ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran salah laku buli. - Kawalan diri dan berdisiplin. - Melaporkan kes buli. - Komunikasi yang baik. - Penggunaan media sosial yang berhemah. 	<p>Pemulihan (Pelaku/Mangsa/Saksi)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bimbingan dan Penasihatatan. • Sesi Kaunseling Individu/Kelompok dengan GBK. • Memberikan perhatian terhadap tingkah laku pelaku/mangsa/saksi. • Pelibatan murid dalam aktiviti sukan dan kokurikulum. • Etika penggunaan media sosial. • Peranan ibu bapa/penjaga • Meningkatkan daya tindak mangsa, contohnya: <ul style="list-style-type: none"> - Kemahiran asertif/tegas diri. - Keyakinan diri. - Seni mempertahankan diri. - Latihan komunikasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Sekolah • Semua Guru • GDS • GBK • Guru Agama • Guru Moral • JK Kokurikulum • Ibu bapa/Penjaga • PIBG • PIBKS • Agensi Luar (PDRM, KKM, JKM dan lain-lain lagi) • NGO

Peruntukan Undang-undang berkaitan Kesalahan Jenayah

1. Buli fizikal

- (a) **Menyebabkan kematian dengan niat atau tanpa niat – Seksyen 304 Kanun Keseksaan**

Hukuman (Dengan niat): Penjara sehingga tiga puluh tahun, dan boleh dikenakan denda – Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan

Hukuman (Tanpa niat): Penjara sehingga sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya sekali – Seksyen 304(b) Kanun Keseksaan

- (b) **Menyebabkan kecederaan dengan niat – Seksyen 321 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi satu tahun atau dengan denda tidak melebihi dua ribu ringgit, atau kedua-duanya sekali – Seksyen 323 Kanun Keseksaan

- (c) **Menyebabkan kecederaan teruk dengan niat – Seksyen 322 Kanun Keseksaan**

Hukuman: Penjara tidak melebihi tujuh tahun, dan boleh dikenakan denda – Seksyen 325 Kanun Keseksaan

- (d) **Menyebabkan kecederaan dengan senjata atau cara berbahaya dengan niat – Seksyen 324 Kanun Keseksaan**

Hukuman: Penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau dengan denda atau dengan sebatan atau dengan mana-mana dua daripada hukuman tersebut – Seksyen 324 Kanun Keseksaan

- (e) **Menyebabkan kecederaan teruk dengan senjata atau cara berbahaya dengan niat – Seksyen 326 Kanun Keseksaan**

Hukuman: Penjara tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh dikenakan denda atau sebatan – Seksyen 326 Kanun Keseksaan

- (f) **Menyebabkan kecederaan dengan niat untuk memeras harta atau cuba memaksa perbuatan yang menyalahi undang-undang – Seksyen 327 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh dikenakan denda atau sebatan – Seksyen 327 Kanun Keseksaan
- (g) **Menyebabkan kecederaan dengan menggunakan racun, dsb dengan niat untuk melakukan kesalahan – Seksyen 328 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh dikenakan denda – Seksyen 328 Kanun Keseksaan
- (h) **Menyebabkan kecederaan teruk dengan niat untuk memeras harta atau cuba memaksa perbuatan yang menyalahi undang-undang – Seksyen 329 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh dikenakan denda atau sebatan – Seksyen 329 Kanun Keseksaan
- (i) **Menyebabkan kecederaan untuk memeras pengakuan atau untuk memaksa pemberian semula harta – Seksyen 330 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi tujuh tahun, dan boleh dikenakan denda – Seksyen 330 Kanun Keseksaan
- (j) **Menyebabkan kecederaan teruk untuk memeras pengakuan atau untuk memaksa pemberian semula harta – Seksyen 331 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh dikenakan denda – Seksyen 331 Kanun Keseksaan
- (k) **Dengan sengaja menyebabkan cedera atas provokasi – Seksyen 334 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai sebulan, atau dengan denda yang boleh sampai seribu ringgit, atau dengan kedua-duanya sekali – Seksyen 334 Kanun Keseksaan
- (l) **Menyebabkan cedera parah atas provokasi – Seksyen 335 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai empat tahun, atau dengan denda yang boleh mencecah empat ribu ringgit, atau dengan kedua-duanya sekali – Seksyen 335 Kanun Keseksaan

- (m) **Seksaan bagi perbuatan yang membahayakan nyawa atau keselamatan diri orang lain – Seksyen 336 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga bulan, atau dengan denda yang boleh sampai lima ratus ringgit, atau dengan kedua-duanya sekali – Seksyen 336 Kanun Keseksaan
- (n) **Menyebabkan kecederaan dengan perbuatan yang membahayakan nyawa atau keselamatan diri orang lain – Seksyen 337 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi enam bulan atau dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali – Seksyen 337 Kanun Keseksaan
- (o) **Menyebabkan kecederaan teruk dengan perbuatan yang membahayakan nyawa atau keselamatan diri orang lain – Seksyen 338 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi dua tahun atau dengan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya sekali – Seksyen 338 Kanun Keseksaan
- (p) **Menggunakan kekerasan jenayah selain daripada provokasi berat – Seksyen 352 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi tiga bulan atau dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dengan kedua-duanya sekali – Seksyen 352 Kanun Keseksaan
- (q) **Serangan/Pergaduhan atau penggunaan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat untuk mengaibkan kehormatan – Seksyen 354 Kanun Keseksaan**
Hukuman: Penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau dengan denda atau dengan sebatan atau dengan mana-mana dua daripada hukuman tersebut – Seksyen 354 Kanun Keseksaan

2. Buli Lisan

- (a) **Mengeluarkan kata-kata atau mempamerkan tulisan yang kurang sopan, mengugut, aib atau menghina dengan tujuan membangkitkan kemarahan untuk mengganggu keamanan – Seksyen 14 Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955 [Akta 336]**

Hukuman: Denda tidak melebihi seratus ringgit – Seksyen 14 Akta 336

- (b) **Pemerasan – Seksyen 383 Kanun Keseksaan**

Hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman tersebut – Seksyen 384 Kanun Keseksaan

3. Buli Siber

- (a) **menyalahgunakan Internet dengan menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik – Seksyen 233(1)(a)(ii) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]**

Hukuman: Denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan – Seksyen 233(3) Akta 588

Peruntukan undang-undang yang disenaraikan di atas hanyalah sebagai contoh dan panduan sahaja. Keputusan muktamad berhubung dengan pertuduhan jenayah akan ditentukan oleh Pendakwa Raya selepas selesai kertas siasatan dilengkapkan oleh pihak PDRM kelak.

PENGHARGAAN

AHLI JAWATANKUASA INDUK

1. Tuan Haji Abdul Muie bin Ngah A.M.T Bahagian Pengurusan Sekolah Harian,
KPM (BPSH)
2. Encik Omar bin Mahli BPSH, KPM
3. Encik Hirudin bin Mohit BPSH
4. Encik Abdul Rahim bin Mohidin BPSH
5. Puan Juraidah binti Jalaluddin BPSH
6. Encik Mohd Harith bin Mohd Rahim @ Mohd Noor BPSH
7. Puan Siti Norfiza Eryani binti Muslil BPSH
8. Encik Mohammad Hafiz bin Kamal BPSH
9. Puan Noor Faizah binti Idris Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
10. Encik Mohd Naim bin A Rahim Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
11. Puan Noorhayati binti Khairuddin Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
12. Tuan Haji Shamsulkamal bin Rahman Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
13. Encik Norolrozi @ Norulrozi bin Azeri Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
14. Puan Huzaimah binti Muain Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
15. Dr. Norashuha binti Tajudin Jabatan Pendidikan Negeri Johor
16. Puan Nur Fathiah binti Ahmadin Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang,
Johor
17. Tuan Haji Asrar Najib bin Yunos Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat,
Johor

AHLI JAWATANKUASA

1. Puan Ida Hairani binti Bakar Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM
2. Dr. Zainin binti Bidin Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM
3. Puan Nurul Farahidayu binti Sa'adun Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM
4. Encik Muhammad bin Md Derus Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, KPM
5. Encik Khairul Anuar bin Ramlan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, KPM
6. Encik Mohd Khamal bin Md Saud Bahagian Pendidikan Islam, KPM
7. Encik Shamsul Arifin bin Arshad Bahagian Pendidikan Swasta, KPM
8. Puan Bibi Aishah binti Roslan Bahagian Matrikulasi, KPM
9. Puan Hasliza binti Mohd Ghafii Bahagian Matrikulasi, KPM
10. Encik Muhd Zukhairi bin Ahmad Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
11. Tuan Haji Zamzaitul Akmal Hisham bin Ahmad Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
12. Encik Aminuddin bin Kamisan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
13. Tuan Haji Jamsari bin Mariman Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
14. Encik Mohd Zulhijri bin Sabtu Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
15. Tuan Haji Ghazali bin Mat Taib Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
16. Encik Awang Daramat bin Awang Mattiasin Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
17. Encik Abdul Rahman bin Mansor Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
18. Encik Mohd Nasir bin Abdullah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
19. Tuan Haji Fakhrul Nizam bin Pakhrudin Jabatan Pendidikan Negeri Perak
20. Puan Haznita binti Husin Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
21. Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
22. Encik Fathullah Farid bin Jaafar Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
23. Encik Khairul Anuar bin Yaakup Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
24. Encik Hafizan bin Othman Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- | | |
|--|--|
| 25. Encik Muhammad Nazri bin Abdul Ghani | Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu |
| 26. Encik Mohamed Reza bin Anuar | Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan |
| 27. Encik Mohamad Nizam bin Osman | Kolej Vokasional Alor Setar, Kedah |
| 28. Puan Azura binti Yusof | Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan |
| 29. Puan Siti Khadijah bt Omar | SMK Tun Habab, Johor |
| 30. Puan Ezalinda binti Zakaria | Sekolah Kebangsaan Intan Baiduri,
Kuala Lumpur |
| 31. Encik Azizilfikri bin Zahari | Sekolah Kebangsaan Seri Paka,
Terengganu |
| 32. Encik Abu Bakar bin Muda | Majlis Pengetua Sekolah Malaysia |
| 33. Encik Azmi bin Ahmad Sopian | Kesatuan Perkhidmatan Perguruan
Kebangsaan Malaysia |
| 34. Prof. Madya Dr. Mohd Nazri bin Abdul
Rahman | Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya |

EDITOR

1. Encik Abdul Rahim bin Mohidin BPSH
2. Encik Mohd Harith bin Mohd Rahim @ Mohd Noor BPSH
3. Puan Siti Norfiza Eryani binti Muslil BPSH
4. Encik Mohammad Hafiz bin Kamal BPSH
5. Encik Wan Izani bin Wan Idris BPSH
6. Encik Mohd Pilus bin Abdullah BPSH
7. Encik Ahmad Fauzi bin Mohammad BPSH
8. Cik Suriana binti Mohd Asari BPSH
9. Puan Intan Suzana binti Abdul Rahman BPSH
10. YBrs. Dr. Maizatul Azmah binti Ab. Latiff Bahagian Pendidikan Khas, KPM
11. Encik Mohd Taufik bin Mohd Tasrip Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh, KPM
12. Ts. Dr. Mohammad Hafiz bin Salleh @ Omar Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, KPM
13. Puan Siti Fariza Edzua binti Jamaludin Pejabat Penasihat Undang-Undang, KPM
14. Puan Nurul Aina binti Borhan Dewan Bahasa dan Pustaka
15. Puan Noor Faizah binti Idris Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
16. Tuan Haji Ahmad Salehin bin Shaari Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara, Perak
17. Dr. Mohd Saidi bin Yusof Sekolah Menengah Kebangsaan Menerong, Terengganu
18. Puan Norizan binti Muhiddin@Yidin Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tasik Puteri, Selangor
19. Puan Azura binti Yusof Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan
20. Encik Mohd Firdaus bin Ahmad Suhaimi Sekolah Kebangsaan Taman Seri Rampai, Kuala Lumpur

PENGHARGAAN KHAS

1. Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim
Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
2. Datuk Sutinah Sutan
Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
3. Dato' Sulaiman Wak
Mantan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
4. Prof. Datin Dr. Mariani Md Nor
Pakar Psikologi SEGI Universiti
5. Lt. Kol. Bersekutu (PA) Aminuddin Awang
Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP)
6. Dato' Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz
Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
7. Prof Madya (Kehormat) Dato' Dr. P. Sundramoorthy
Pensyarah Kriminologi Universiti Sains Malaysia
8. ACP Siti Kamsiah Hassan
Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak Bukit Aman

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN SALAH LAKU**

BULLI

**DI INSTITUSI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA